



Projek LRT disegerakan Laporan EIA PSI lulus

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

GEORGE TOWN - Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan dana tambahan bagi membantu Kerajaan Pulau Pinang menyegerakan projek pembinaan transit aliran ringan (LRT) George Town - Bayan Lepas, dengan mengambil kira kebimbangan pelbagai pihak berhubung cadangan pembangunan 'Pulau A' atau 'Silicon Island' di bawah projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSI).

Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Utama Anwar Ibrahim memberitahu perkara itu kepada pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini pada 6 Mei 2023.

"Saya mengambil kesempatan ini mengumumkan bahawa untuk meredakan permasalahan (penambahan tiga) pulau (buatan) supaya dapat dikaji semula dan diperkecilkan skop, Kerajaan Persekutuan akan menambah dana dalam suatu skim yang besar bagi membolehkan Kerajaan Pulau Pinang segera melaksanakan LRT," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tambun, Perak sambil berharap penyaluran dana Persekutuan itu nanti dapat membantu Kerajaan Negeri merosotkan kesesakan trafik di Pulau Pinang.

Sebelum itu, pada sidang media bertarikh 26 April lalu, Kon Yeow mengumumkan bahawa Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi PSI telah memperoleh kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).



KETUA Menteri menunjukkan ilustrasi 'Silicon Island' sambil ditemani Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tiga dari kiri), Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy (dua dari kanan); Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar (kanan sekali); Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC), Dato' Seri Farizan Darus (kiri sekali) pada sidang media di sini 3 Mei lalu.

**Kerajaan Negeri
menerusi rakan
pelaksana projek (PDP)
PSI kini dalam proses
memohon kelulusan
Pelan Pengurusan Alam
Sekitar (EMP) daripada
JAS Negeri Pulau Pinang.**

- Kon Yeow

Menurut beliau, kelulusan daripada jabatan persekutuan di bawah seliaan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) itu dimaklumkan menerusi surat bertarikh 11 April 2023 kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"(Kelulusan) tersebut adalah berasaskan 71 syarat yang ditetapkan termasuk keperluan meneruskan pelaksanaan Skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dan Pelan Induk

Pengimbangan Ekologi (PEOM) bagi projek berkenaan," ujarnya.


Lanjutan kelulusan EIA tersebut, kata Kon Yeow, Kerajaan Negeri menerusi rakan pelaksana projek (PDP) PSI kini dalam proses memohon kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) daripada JAS Negeri Pulau Pinang.

"EMP ini (mengandungi butiran tatacara) bagaimana syarat-syarat yang ditetapkan itu dapat dipatuhi.

(Sambungan di muka 2).

(Sambungan dari muka 1).

Depoh LRT di ‘Silicon Island’



ILUSTARSI ‘Silicon Island’ yang bakal dibangunkan.

“(Dan) sekiranya kerja-kerja tambakan bermula, ia akan dimulakan dengan ‘Pulau A’ yang mana 700 ekar (daripada keseluruhan ‘Pulau A’ seluas 2,300 ekar) adalah bagi membangunkan *Green Tech Park* (GTP),” ujar Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunkasi itu.

Mengulas mengenai ‘Silicon Island’, Kon Yeow berkata bahawa projek pembangunan masa depan tersebut dijangka selesai pada tahun 2025, sebelum kerja-kerja pembangunan industri pada tahun 2026 dan operasi ‘Green Tech Park’ (GTP) adalah dijangka pada tahun berikutnya.

“(Pulau A atau) ‘Silicon Island’ bakal dilengkapi dengan taman perindustrian berteknologi tinggi dikenali sebagai ‘Green Tech Park’ (GTP) yang mana ia bakal menyediakan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta infrastruktur teknologi digital, e-dagang dan juga proses penyumberan luaran (BPO) demi pembangunan berterusan negeri ini.

“Malah, di sini juga akan melibatkan pembinaan depoh utama sistem aliran transit ringan (LRT) yang ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat Pulau Pinang sekian lama,” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Bertemakan ‘Di Sini Masa Depan Bermula’, Kon Yeow menjelaskan bahawa pentadbirannya komited meneruskan proses memohon kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang sebelum memulakan kerja-kerja tambakan PSI.

Tambah beliau lagi mengikut kajian berkaitan, keseluruhan projek pembangunan bercampur di bawah PSI dianggarkan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM2.2 trilion, menarik pelaburan asing bernilai lebih RM70 bilion serta dengan jumlah pendapatan keseluruhan kepada negara berjumlah RM226.5 bilion.

“Serentak itu, ia (PSI) juga dijangka mewujudkan 460,000 peluang pekerjaan dalam jangka masa 30 tahun,” ulasnya lanjut.



Cakna kebajikan baucar pukot ringankan beban nelayan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & NUR ASYIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & LAW SUUN TING**

SEBERANG JAYA – Seramai 1,252 nelayan dari Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) menerima bantuan pukot bernilai RM400 setiap seorang baru-baru ini.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1,614,600 untuk bantuan kepada 4,037 nelayan berdaftar seluruh negeri.

“Walaupun jumlah tersebut tidaklah besar, namun ia menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk terus cakna kepada kebajikan nelayan sebagai penyumbang hasil laut di negeri ini.

“Bantuan seperti ini sedikit sebanyak diharapkan mampu meringankan beban golongan nelayan untuk membeli pukot dalam keadaan ekonomi yang amat mencabar pada ketika ini.

DR. Norlela Ariffin (berjubah kuning) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan seusai Majlis Penyampaian Bantuan Pukot Kepada Nelayan SPT dan SPS di sini baru-baru ini.



“Selain itu, nelayan turut menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat bernilai RM200, jadi keseluruhan adalah berjumlah RM600 setiap seorang,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pukot Kepada Nelayan SPT dan SPS yang berlangsung pada 19 April lepas di Pejabat Daerah dan Tanah SPT.

Sementara itu, di Daerah Barat Daya (DBD), majlis penyampaian bantuan sama turut berlangsung di Kompleks Sukan Balik Pulau melibatkan 1,134 nelayan dengan jumlah peruntukan RM453,600.

Majlis turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN



AZRUL Mahathir Aziz (dua dari kiri) di majlis penyampaian sumbangan di DBD.

Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pegawai Daerah DBD, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri.

Difahamkan, bantuan pukot secara *one-off* oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tahun ini meningkat berbanding tahun lepas yang mana hanya berjumlah RM959,600 dengan membabitkan 2,399 nelayan.

Sebagai rekod bagi tahun ini, sumbangan di daerah SPS adalah membabitkan seramai 940 nelayan; SPT (312); Seberang Perai Utara (835); DBD (1,134) dan Timur Laut (816).

Apa kata penerima ?




BASRI ISMAIL, 59, yang tidak putus-putus memanjatkan rasa syukur dek inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2013 itu menyatakan bahawa inisiatif tersebut sedikit sebanyak meringankan beban para nelayan.

“Saya mewakili nelayan dari Unit Nelayan Kuala Jalan Baru amat

bersyukur dan berbesar hati dengan penyerahan bantuan pukot berbentuk baucar sebanyak RM400 ini daripada Kerajaan Negeri.

“Para nelayan juga gembira bantuan yang diberikan ini adalah dalam bentuk baucar kerana kami boleh memilih jenis pukot perlu untuk keperluan.

“Harga pukot kini pula semakin meningkat sehingga membuatkan kami (nelayan) berasa terbeban, lebih baik membeli udang berharga RM45 daripada membeli pukot yang kini mencecah sehingga RM65,” katanya yang bekerja sebagai nelayan sejak tahun 2000.



Nelayan dari Permatang Damar Laut, **ROSSLI YUSOF**, 64, ketika ditemui berkata bahawa beliau telah enam tahun menikmati sumbangan pukot oleh Kerajaan Negeri berkaitan.

“Sudah tentu saya bersyukur, kerana satu pukot sekurang-kurangnya boleh bertahan hingga tiga bulan sebelum rosak dan perlu diganti semula.

“Bantuan RM400 ini saya boleh beli lapar unit pukot berukuran 23 depa (ukuran),” ulasnya.



Pengerusi Unit Nelayan Kuala Jalan Baru, **REEZUN MAT**, 59, turut memaklumkan bahawa lebih wajar menyediakan alternatif tabung pinjaman jika nelayan memerlukan peruntukan untuk menambah baik kerosakan dan sebagainya.

“Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menyediakan sebuah tabung pinjaman khas untuk nelayan melakukan pinjaman di unit masing-masing.

“(Yang mana), para nelayan perlu memenuhi syarat-syarat wajib terlebih dahulu terutamanya mempunyai lesen,, yang mana secara tidak langsung pemberian pinjaman tidak diberikan secara rambang,” ulasnya.



Bagi **KHOR POH WH**, 57, beliau mencadangkan agar inisiatif sebegini diteruskan pada masa hadapan dan para nelayan sememangnya menerima ia dengan tangan terbuka.

“Bagi pihak saya, usaha sebegini jangan dihentikan, malah diteruskan lagi sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi meringankan beban kami.

“Sejak enam bulan lalu, agak sukar untuk mendapatkan hasil udang, malah

nelayan juga takut untuk turun ke laut dek gusar enjin bakal rosak dilanggar kayu-kayuan yang telah hanyut sehingga ke kawasan (Kuala Jalan Baru) ini.

“Ada juga nelayan yang fobia untuk turun ke laut kerana takut insiden sebegini berlaku dan perlu mengeluarkan kos memperbaiki enjin sehingga RM3,000,” luahnya kepada Buletin Mutiara.

Perda Veggie Park tanaman penuhi pasaran tempatan

BERKECIMPUNG dalam bidang pertanian sejak 13 tahun lalu, anak kelahiran negeri Pahang, **IBRAHIM ROSLAN**, 45 atau lebih mesra disapa sebagai 'Abu' telah mengusahakan sebuah Pusat Pengumpulan Ladang (FAMA), Perda Veggie Park dan menghasilkan pelbagai produk tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Pelbagai pencapaian membanggakan bukan sahaja diperoleh pada peringkat negeri, malahan juga kebangsaan, sebagai contoh Anugerah Terbaik MAHA 2011 dan juga AgroFest berjaya dirangkul syarikat ini.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemu bual beliau untuk melihat sendiri variasi hasil tanaman yang diketengahkan dalam menerajui dunia pertanian ini.

Bercerita mengenai latar belakang penglibatan beliau dalam bidang ini, Abu yang juga Timbalan Pengerusi bagi Koperasi Petani Pulau Pinang Berhad (KPPPB) dan Persatuan Pekebun Sayur Pulau Pinang berkongsi mengenai penglibatan beliau dalam Projek Pembasmian Kemiskinan.

"Sekitar tahun 2011, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah mempelawa peserta untuk menyertai projek berkenaan dan menawarkan lot tanah.

"Kemudian, KPPPB berminat untuk menerima tawaran tersebut dan mendapat tanah berkeluasan 50 ekar di Perda Veggie Park ini, secara tidak langsung menjadikan kami sebagai anak syarikat PERDA," ujarnya yang menyatakan keluasan tanah berkenaan adalah seluas 1,247 ekar.

Sementara itu, Abu turut menceritakan peringkat awal tanaman dimulakan dengan buah-buahan sebelum sayuran berbuah.

"KPPPB mula menanam buah-buahan seperti betik dan pisang sehingga menerima permintaan dari pasaran luar negara.

"Bukan itu sahaja, kami turut mempelbagaikan jenis buah-buahan seperti jambu dan markisa dan kemudian memulakan tanaman sayuran berbuah seperti bendi, timun, kangkung, kacang panjang, peria, labu, jagung, cili, petola, sawi serta bayam," jelasnya pada sesi wawancara yang diadakan pada 13 April lalu.

Permintaan dan pemasaran produk

Menurut Abu, hasil tanaman turut menjadi permintaan pasar raya di sekitar sini dan syarikatnya akan menyediakan permintaan sebagaimana diinginkan oleh pelanggan.

"Kami akan menyediakan hasil mengikut jumlah dan kuantiti yang diinginkan untuk mengelak berlakunya lambakan, kesannya hasil tanaman yang diambil akan rosak.

"Terdapat juga sesetengah pasar raya yang mengambil kesempatan mengenai pembayaran dan menyatakan produk telah rosak lalu membuat potongan harga, sedangkan pihak kami akan memeriksa seteliti mungkin sebelum membuat penghantaran.

"Sebelum berlakunya pandemik COVID-19, syarikat kami turut memenuhi permintaan produk di luar negara seperti Thailand, Taiwan dan juga Eropah.

"Mungkin dalam masa terdekat ini kami akan mula mengambil tempahan dari negara luar kerana saya gemar turun

IBRAHIM Roslan atau lebih mesra disapa sebagai 'Abu' menunjukkan hasil tanaman yang sedia untuk dipasarkan.



padang berdiskusi mengenai permintaan dan sebagainya," ulasnya.

Dalam pada itu, Abu turut berkongsi mengenai pihak FAMA yang memainkan peranan penting dalam memasarkan hasil tanaman yang diusahakan.

"Pihak FAMA sangat membantu dalam memasarkan hasil tanaman di sini terutamanya semasa berlakunya lambakan hasil.

"Bukan itu sahaja, FAMA turut menyediakan kemudahan dengan mendirikan pusat jualan di hadapan Perda Veggie Park yang secara tidak langsung memudahkan pelanggan untuk membeli hasil tanaman kami.

"Manakala Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang pula akan membuat pemantauan dan pemerhatian sebulan sekali bagi melihat jika terdapat sebarang permasalahan di sini," ujarnya.

Kualiti produk tanaman

Menurut Abu, bagi menambah baik hasil tanaman dan menggayakan cara kerja yang optimum, persatuannya turut menghantar ahli mereka untuk mempelajari teknik yang lebih efisien.

"Sewaktu sebelum pandemik COVID-19, kira-kira tiga bulan sekali saya dan seorang lagi rakan kerja akan ke Guangzhou, China mewakili persatuan kami memenuhi jemputan *Guangzhou Seed Trade Association*.

"Terkini, saya akan ke sana lagi bagi mempelajari teknik-teknik baharu tanaman yang mereka aplikasikan di sana.

"Proses tanaman juga dijalankan seperti biasa melibatkan pembajaan, racun, menuai dan lain-lain lagi, manakala sumber baja serta racun dipilih sendiri,

jadi kami boleh membandingkan jenis kualiti terbaik.

"Bagi proses penggredan pula, ia akan dilakukan setiap hari dan tepat jam 11 pagi yang mana para pelanggan akan mula mengangkut hasil telah diminta serta digred," katanya.

Bukan sekadar itu sahaja, Abu turut memaklumkan bahawa syarikatnya turut mempunyai juruteknik khusus untuk membaiki mesin serta alatan yang rosak.

"Jika terdapat sebarang alatan atau mesin yang rosak, sebelum ini kami perlu ke Kepala Batas untuk membaiki kerana hanya di situ paling berdekatan.

"Oleh itu, bagi memudahkan kerja pekebun serta menjimatkan kos, kami telah mengupah seorang tukang baiki (juruteknik) khusus untuk membaiki mesin yang rosak tanpa perlu dibawa ke tempat lain lagi," ujarnya.

Tambah Abu, dua bulan sekali mesyuarat akan diadakan bersama-sama Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin bagi membincangkan permasalahan-permasalahan yang berlaku.

"YB Norlela sering mendengar keluhan dan luahan pekebun-pekebun mengenai apa yang ingin dinaik taraf atau ditambah baik dari semasa ke semasa, pendek kata memenuhi permintaan kami (pekebun) di negeri ini.

"Dalam pada itu, YB Norlela juga banyak membantu dari segi perparitan tersumbat, jalan perlu diturap, yang mana difahamkan beliau memberi peruntukan melalui Jabatan Pertanian lalu disumbangkan melalui bantuan jentera serta sebagainya," tambah beliau.



PELBAGAI tanaman yang diusahakan.

bermutu tinggi dan luar negara



HASIL tanaman bermutu yang diusahakan.

Cabaran

Seperti bidang lain juga, Abu turut menyatakan pertanian juga ada pasang dan surut dalam mendapatkan hasil tanaman, tidak lengkap perjalanan mencari rezeki ini tanpa liku-liku mencabar.

“Cuaca merupakan faktor utama sesuatu tanaman itu menjadi atau tidak, sebagai contoh jika berlanjutan musim kemarau, tanaman akan menjadi kering manakala apabila tiba musim tengkujuh pula, kami wajib mengutip hasil yang ada dengan segera walaupun sedikit.

“Pernah sekali berlakunya banjir di sini sekitar tahun 2017, terdapat hasil yang masih lagi dalam keadaan baik dan ada juga yang rosak, ada juga berlaku angin ribut sehingga merosakkan hasil tanaman seluas 30 ekar.

“Di samping itu, tidak dinafikan harga baja dan racun juga meningkat pada masa kini yang menjadi salah satu cabaran bagi pekebun.

“Jika ditanya apa lagi yang ingin dinaik taraf di sini, mungkin kami akan mengajukan permintaan sebuah bilik sejuk beku yang berfungsi sebagai stor penyimpanan hasil tanaman di sini,” luahnya menutup bicarawara.



HAK MILIK KEKAL

Keluasan Binaan • 2,874 kps – 3,573 kps | Keluasan Tanah • 3,433 kps – 10,742 kps

**Kediaman Eksklusif Berinspirasi
Reka Bentuk Sepanyol**

5%
BUMIPUTERA
DISKAUN

**Rumah Berkembar 2 dan 3 Tingkat
di Sungai Ara, Pulau Pinang**

Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay

Hubungi kami : 604 641 2255

www.spsetia.com

Kewira Jaya Sdn Bhd (504851-V)

Setia Welcome Centre, SPICE, No. 108, Jalan Tun Dr. Awang, 11900 Pulau Pinang.
F 604 642 2255 E spi-sales@spsetia.com

Setia

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Berkembar 2 Tingkat dan 3 Tingkat (38 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461-6/09-2023/0701 (L) • Tempoh Sah: 01/10/2021 – 30/09/2023 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-6/09-2023/0701 (P) • Tempoh Sah: 01/10/2021 – 30/09/2023 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2023 • Pelan Bangunan Diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB321/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,013,000.00 Maksimum RM2,710,510.00

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Berkembar 2 Tingkat (22 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461/09-2023/0257(A) • Tempoh Sah: 01/10/2021 – 30/09/2023 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-7/11-2024/0318(N)-(L) • Tempoh Sah: 11/11/2022 – 10/11/2024 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: November 2024 • Pelan Bangunan Diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB864/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,258,410.00 Maksimum RM3,098,920.00

Tuah sokongan ibu rahsia kejayaan

Nurul Izzah

GAYUNG tua gayung pemutus yang bermaksud perkataan orang tua biasanya benar dan tepat.

Mungkin peribahasa ini tepat untuk menggambarkan kejayaan seorang wanita orang kurang upaya (OKU) yang kini mempunyai perniagaannya secara mandiri di kediamannya dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua, Parlimen Tasek Gelugor.

NURUL IZZAH MOHD. ASRI, 25, semasa masih di bangku sekolah, ibunya adalah individu yang paling banyak menyokong dirinya baik dalam mengejar pencapaian akademik mahupun minat.

Dalam wawancara bersama-sama Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **SIEW CHIA EN** di rumahnya baru-baru ini, Nurul Izzah memberitahu bahawa ibunya ada mencadangkan supaya beliau memberi tumpuan kepada satu-satu hobi baharu semasa lapang di rumah untuk tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Semasa itu, saya cuba mengambil kelas kemahiran tertentu di KEMAS (Jabatan Kemajuan Masyarakat) di dalam kampung, bukan kelas menjahit.

“Selepas habis SPM, tak tahu nak buat apa, emak nasihatkan saya untuk mengambil kelas menjahit.

“Seminggu, kelas dua kali sahaja di KEMAS Tasek Gelugor (yang mana) yuran kelas seminggu RM10, enam bulan juga saya belajar.

“Selepas mendapat keputusan SPM, saya berpeluang melanjutkan pengajian peringkat diploma di Politeknik Seberang Perai Tengah, tidak habis...sekerat jalan sahaja.

“Semasa itu, ibu saya sekali lagi menasihati saya supaya melakukan perkara yang saya minat dan saya anggap ibu serta ahli keluarga lain senantiasanya akan memberi sokongan kepada perkara yang saya minat,” jelasnya.

Bercerita lanjut, Nurul Izzah memberitahu bahawa beliau kemudiannya ‘belajar menjahit’ di Institut Kemahiran Tinggi Perda (PERDA-Tech) dekat Nibong Tebal.

“Semasa itu pun, saya tidak terbayang lagi bahawa saya akan ada perniagaan sendiri dan ruang berniaga di sebelah rumah ini, saya pilih untuk belajar menjahit kerana nasihat ibu supaya saya melakukan perkara yang saya minat dalam hidup,” ujarnya

sambil memberitahu bahawa ibunya merupakan



NURUL Izzah Mohd. Asri tekun menyiapkan tempahan pelanggan.

sumber inspirasi dalam hidup secara peribadi.

Seusai melanjutkan pengajian di PERDA-Tech, Nurul Izzah menyatakan bahawa beliau belajar membuat acuan untuk memotong kain dan jahit baju sendiri.

“Saya berasa tidak yakin untuk menjahit baju, jadi ibu menasihati saya belajar membuat acuan untuk memotong kain baju, sebagai hobi bagi mengisi masa lapang di rumah.

“Mula-mula saya jahit untuk diri sendiri dulu, kini, selepas kira-kira lebih dua tahun pasca pandemik COVID-19, saya sudah mempunyai pelanggan tersendiri, baik mereka yang menempah seragam sekolah atau persalinan untuk menyambut musim perayaan.

“Semasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), orang tak beraya secara fizikal, jadi kurangnya tempahan, saya pun semasa itu belum mula menjahit secara serius.

“Tahun ini (pada bulan Januari hingga Februari 2023), ‘sangkut sekolah’ (sesi persekolahan mula lambat), jadi sebelum musim perayaan, saya fokus jahit baju sekolah dulu, jadi fokus jahit baju raya menjelang musim perayaan.

“Menjelang musim perayaan (Aidilfitri 2023) baru-baru ini, Alhamdulillah saya terima agak banyak tempahan baju, rata-rata pelanggan wanita, tak menangan juga saya, bimbang tak sempat siap menjahit mengikut masa yang diberikan,” katanya sambil menzahirkan rasa syukur kerana berjaya menyiapkan segala tempahan mengikut masa yang dipersetujui bersama-sama.

Nurul Izzah memberitahu Buletin Mutiara bahawa salah satu sebab beliau tidak putus tempahan baik semasa musim perayaan mahupun musim buka sekolah

adalah kerana kadar upah yang agak rendah.

“Kebanyakan pelanggan orang kampung sini, kawan-kawan.

“Kain baju kurung atas pelanggan, upah sahaja RM40. Upah baju Melayu lelaki RM50 sahaja.

“Harga yang saya tetapkan adalah ‘harga kampung’, ramai pelanggan saya adalah orang kampung, saya sedar, tidak boleh letakkan harga upah menjahit terlalu tinggi.

“Walaupun harga tempahan baju rendah, saya sependapat dengan emak, pulangan masih berbaloi kerana saya tidak menyewa lot komersial dan menjahit dari rumah sahaja,” jelasnya.

Bercakap mengenai cabaran lain, Nurul Izzah menyatakan bahawa beliau memang perlu menggunakan kerusi untuk mengukur badan pelanggannya.

“Kalau ukur baju pelanggan yang lebih tinggi, saya guna kerusi.

“Menjahit ini, kalau saya, tiada masalah, guna mesin jahit biasa dan duduk menjahit atas kerusi seperti tukang jahit lain juga.

“Baju kurung, kalau jahit sahaja ambil masa sehari, kalau masuk buat pola kertas (acuan) sebelum potong kain, ambil masa sehari juga,” ujarnya.

Mengakhiri bicarawara, Nurul Izzah memberitahu bahawa ketika ini beliau memang tidak mempunyai pekerja serta mengusahakan perniagaannya secara mandiri.

Namun, kata anak keempat daripada lima beradik itu lagi, beliau memang berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya termasuk menyewa lot komersial serta mengambil pekerja pada masa hadapan.

“Saya rasa puas kerja sendiri, ada duit dan boleh memenuhi kehendak serta keperluan diri.

“Di samping itu, di sebalik kejayaan ini, saya tidak pernah lupa jasa emak yang selalu selalu memberi sokongan moral.

“Harapan saya, pada masa hadapan memang nak besarkan operasi dan ambil pekerja, buka kedai di luar kampung,” ulasnya.

Bagi pertanyaan lanjut atau urusan tempahan busana, Nurul Izzah boleh dihubungi melalui menerusi nombor telefon 01111106431.

BUSANA yang disediakan.





KILANG PEJABAT JENIS RINGAN 2 TINGKAT

Hak Milik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera



JENIS A

Jumlah Unit: 7
Luas Tanah: ± 2,487 kp ke 3,466 kp
Saiz Bangunan:
± 27,080mm (88'-10") X 6,670mm (21'-11")
Luas Binaan: ± 3,815 kp
Harga Jualan:
Dari
RM 3,264,000.00

- Boleh diakses terus ke Tun Dr. Lim Chong Eu Expressway & Jambatan Kedua Pulau Pinang.
- Berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang & cadangan projek Pulau Pinang Selatan (PSI) kerajaan negeri.
- Dikelilingi oleh kawasan kejiranan serta menyediakan pekerja mahir yang sedia ada.
- Pelan lantai bebas halangan serba boleh untuk perancangan ruang pengeluaran yang optimum.
- Tinggi dari lantai ke lantai 4.5m (14'-9").
- Tempat letak kereta persendirian 1-6 setiap unit.
- Panjang bangunan dilanjutkan untuk penggunaan ruang yang maksimum.
- Sesuai untuk perusahaan kecil dan sederhana.
- Pilihan penutup pintu bermotor.



JENIS B, C, D

Jumlah Unit: 5
Luas Tanah: ± 2,766 kp ke 4,984 kp
Saiz Bangunan:
JENIS B & C: ± 36,272mm (119') X 6,650mm (21'-10")
Luas Binaan: ± 5,120 kp
JENIS D: ± 25,329mm (83'-1") X 6,750mm (22'-2")
Luas Binaan: ± 3,672 kp
Harga Jualan:
Dari
RM 4,284,000.00



Pemaju:
BEECHWOOD CAPITAL SDN. BHD. (1224836-X)
No 18-18-C Gurney Tower, Persiaran Gurney, 10250 Penang, Malaysia.
Tel: +604 604 7777 / +60111 993 7777
Emel: beechwoodcapital88@gmail.com

Untuk Maklumat Lanjut,
Tel: +60111-993-7777
Emel: victorlim@saveone.com.sg

Pemaju: Beechwood Capital Sdn. Bhd. - Semua gambaran adalah sebagai rujukan untuk mendapat sambutan daripada orang ramai untuk melihat dan mendaftar sahaja dan tidak dianggap sebagai satu tawaran untuk jualan. Maklumat terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua gambar adalah lakaran artis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Setiap langkah yang telah diambil dalam penyediaan gambaran, pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa ketidaktepatan. Semua tersebut di atas adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera.



MELANGKAU KEHIDUPAN ASAS

D'HALONA PLACE
TAMAN SEPATU JAYA

FASA 4

HAKMILIK KEKAL

D' Halona Place adalah peningkatan daripada kehidupan biasa kerana ia memenuhi keperluan asas sebuah kediaman menerusi reka bentuk terperinci dan fungsinya. Terletak di daerah tenang Tasek Gelugor, ia adalah kediaman sederhana cukup mewah yang menawarkan kesenangan untuk dinikmati oleh anda sekeluarga



RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS A

Luas Tanah : ± 22' x 65'
Luas Binaan : ± 22' x 45'
Harga : RM397,000 - RM592,000



RUMAH TERES 1 TINGKAT JENIS B

Luas Tanah : ± 25' x 60'
Luas Binaan : ± 25' x 40'
Harga : RM403,000 - RM 544,000



KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT

Luas Tanah : ± 22' x 65'
Luas Binaan : ± 22' x 58'
Harga : RM575,000 - RM845,000



PAVILION EVERISE SDN. BHD. 1073290-K
Lot 20084 Jalan Kubang Menerong, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
FAX: +604-642 7932 EMAIL: info@dhalonaplace.com.my

Pemaju: Pavilion Everise Sdn. Bhd. [No. syarikat: 1073290-K] Lesen pemaju: 2006/11-2023/0807(A) | Tempoh sah: 12/11/2021-11/11/2023 | No. Permit Iklan & Jualan: 20068-3/09-2024/0183(N) | Tempoh sah: 18/9/2022-17/09/2024 | Tarikh dijangka siap: Nov 2024 | Hakmilik tanah: Hakmilik kekal | Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai | No. kelulusan pelan bangunan: MBSP/40/20-12/35 | Bilangan Unit: 143 unit Jenis A 1 Tingkat / 118 unit Jenis B 1 Tingkat | Harga: Jenis A RM397,000 (min.) - RM592,000 (maks.) / Jenis B RM403,000 - RM544,000 (maks.) | 5% Bumiputera Diskaun

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Semua lukisan dan ilustrasi di sini adalah tanggapan pelukis sahaja. Semua pelan, ukuran spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada variasi, pindaan, dan perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau arkitek projek tanpa pemberitahuan terlebih dahulu untuk pembelian dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

1700 818 365

dhalonaplace www.dhalonaplace.com.my

‘Bubur Bowl’ saji menu bubur

MENCEBURKAN diri dalam bidang pengurusan acara sejak 10 tahun lalu, **IMRAN IDRIS** tidak berasa was-was berubah angin memulakan perniagaan makanan di Astaka Pasar Awam Balik Pulau.

Premis ‘Bubur Bowl’ yang kini sudah setahun lebih dibuka kini mula dikenali ramai dan dibanjiri pelanggan bukan sahaja di sekitar Balik Pulau, malahan juga dari kawasan bandar.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual beliau untuk melihat sendiri konsep juadah Kelantan yang ‘diutarakan’ dalam perniagaannya.

Latar belakang

Menurut Imran, perniagaan tersebut pada awalnya dimulakan secara spontan, ditambah pula dirinya tidak mempunyai pengetahuan dan pendedahan mengenai perniagaan.

“Jika diimbak sekali, saya telah menamatkan pengajian dalam Diploma Pengurusan Hotel dan Katering, kemudian ‘tersangkut’ dalam bidang korporat dan mengendalikan acara pula.

“Akan tetapi, bekerja dengan *Penang Halal International (PHI)* dulu tidak jauh tersasar dari jurusan dulu dek tetap terlibat dengan bahagian

makanan halal dan sebagainya.

“Seterusnya, menjelang tahun 2020 dan pandemik COVID-19 telah melanda, saya mengambil keputusan untuk berhenti berkhidmat serta berehat dahulu,” katanya membuka bicara.

Menariknya, tidak lama selepas itu, Imran secara kebetulan tertarik dengan iklan premis untuk disewa yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

“Saya tidak terlalu pandai berniaga, tetapi apabila melihat iklan yang disiarkan saya berasa patut mencuba juga, pada masa sama dapat mencabar diri melibatkan diri dalam bahagian makanan dan minuman (F & B) kembali.



PREMIS 'Bubur Bowl' yang terletak di Astaka Pasar Awam Balik Pulau.

ANTARA menu set campuran dan ala carte yang menjadi kegemaran pengunjung.

“Permohonan untuk menyewa premis dijalankan secara temubual bersemuka, dan syarat utamanya penjual perlu mengemukakan menu yang tidak dijual lagi di astaka berkenaan.

“Kemudian, isteri saya yang memberi idea untuk membuat bubur nasi berlauk versi Kelantan, manakala saya pula ketengahkan elemen utara dalam menu tersebut, dipendekkan cerita menjadi rezeki kami premis tersebut berjaya didapati dan mendapat kelulusan,” ceritanya lanjut detik awal memulakan perniagaan.

Menu Bubur Bowl

Bercerita lanjut mengenai menu yang tersedia, Imran turut menyatakan bahawa Bubur Bowl juga istimewa kerana turut menyediakan set ibu berpantang.

“Menu Bubur Bowl turut menyajikan pilihan set campuran atau *ala carte*, yang mana pelanggan boleh memilih untuk campur bahan sendiri, atau set campuran yang terkandung ayam atau daging, peria rangup, telur masin, sambal paru, kacang bilis, tempe rangup, halia dan bawang putih bagi menambahkan kesedapan bubur itu.

“Peria rangup yang diolah menjadi kerepek turut mencuri perhatian sehinggakan ramai pelanggan yang meminta lagi, lalu saya keluarkan produk ‘Peria Crispy’ dan dibungkus dengan rapi dalam balang dilabel,” katanya sambil menekankan peria rangup wajib ada dalam setiap hidangan bubur.

Tidak berhenti sekadar di situ, Imran turut mengetengahkan bubur versi Johor pula bagi membawa kelainan dan perbezaan rasa pada setiap bubur yang disajikan.

“Bubur versi Kelantan dan ‘diutarakan’ agak mudah kerana tidak banyak perbezaan, bagi bubur veris Johor Bahru (JB) pula bahan-bahan dan rasa juga lain.

“Bagi bubur JB, pelanggan boleh mengenakan campuran sayur kangkung belacan, telur masin, lobak masin, kacang bilis dan sedikit hirisan limau untuk merancakkan kesedapan bubur itu, sekali cuba pasti nak lagi saya berani jamin,” selorohnya sambil menyifatkan tidak ada lagi menu sebegini di pasaran lokal.

Teknik promosi

Sementara itu, Imran turut menyatakan setelah setahun lebih beroperasi, sambutan jualan amat mengagumkan melibatkan 1,000 bubur terjual secara bulanan.

“Pada peringkat awal berniaga saya tidak menggunakan sebarang platform untuk mempromosikan Bubur Bowl kerana ingin melihat perjalanan sepanjang lima hingga enam bulan berniaga.

“Setelah perniagaan mula stabil dan mendapat sambutan, baru saya mula promosi di platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan juga *Youtube*.

“Boleh dikatakan kawasan (astaka) ini sering dikunjungi ramai pelanggan bukan sahaja penduduk lokal malahan juga dari George Town dan Seberang Perai khususnya pada hujung minggu semata-mata untuk bersarapan,” ulasnya.

Bukan itu sahaja, menurut Imran, Bubur Bowl turut terdapat di aplikasi *GrabFood* bagi pelanggan yang lebih selesa menikmati bubur di rumah.



SEBAHAGIAN pelanggan yang bertandang menjamu selera bubur nasi berlauk di Astaka Pasar Awam Balik Pulau.

nasi berlauk istimewa



IMRAN Idris.

“Pelanggan juga boleh membuat pesanan di aplikasi *GrabFood* sekiranya tidak mahu keluar atau lebih selesa makan di rumah, semuanya tersedia hanya di hujung jari sahaja. “Akan tetapi, pada hari Sabtu dan Ahad agak sukar untuk menyediakan penghantaran dek habis terjual dan dibanjiri pelanggan sewaktu hujung minggu,” jelasnya lanjut.

Cabaran dan harapan

Bagi Imran, rezeki yang diperoleh mengajar dirinya untuk tidak berhenti berusaha dan memperbaiki apa yang terkurang, kerana tidak lengkap sesebuah perniagaan itu tanpa sebarang rintangan.

“Detik awal hendak mengubah suai kedai sehingga elok begini tidak mudah dan mencabar dek peniaga yang sebelum ini telah tinggalkan selama enam bulan.

“Tetapi saya dan isteri tak mudah mengalah dan melakukan pengubahsuaian mengikut citarasa dan trend terkini supaya nampak lebih menarik.

“Bagi peniaga F&B, sudah tentu kos barangan menjadi sebab utama juga dalam mengira untung rugi berniaga, banyak prosedur penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan bagi menemukan barang serta produk terbaik bagi menghasilkan juadah bubur yang sedap,” tambahanya.

Berbicara mengenai harapan, Imran berharap agar kawasan Balik Pulau lebih mendapat tumpuan variasi makanan yang diketengahkan.

“Balik Pulau sering menjadi perhatian apabila tibanya musim durian, saya juga ingin kawasan ini dikenali dengan tarikan makanan lain kerana terdapat banyak kedai makan menarik yang pastinya belum ramai orang cuba lagi.

“Pada pendapat saya juga, *Penang Global Tourism* (PGT) turut memainkan peranan



'BUBUR BOWL' juga boleh didapati di aplikasi *GrabFood*.

penting dalam mempromosikan Balik Pulau sebagai tempat tumpuan makanan dan menyeimbangkan antara kawasan George Town serta pinggir bandar.

“Banyak juga peniaga lain ingin terlibat dalam penganjuran pesta makanan di Balik Pulau, cuma khuatir sambutan tidak memberangsangkan seperti di bandar.

“Malah jika diberikan rezeki serta kesempatan masa, saya juga ingin mengembangkan perniagaan dan membuka cawangan lain di kawasan George Town suatu hari nanti,” katanya menutup bicara.

Surai trafik Juru - Sungai Dua, harap dapat laksana menerusi Bajet 2024

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap pembentangan semula pelaksanaan Kajian Penyuraian Trafik Seberang Perai membabitkan laluan antara Juru dan Sungai Dua di Lebuhraya Utara-Selatan bakal memperoleh kelulusan untuk dilaksanakan menerusi Bajet 2024 Persekutuan kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa permohonan untuk membentangkan semula pelaksanaan kajian terbabit telah memperoleh kelulusan daripada Kementerian Ekonomi.

Menurut Kon Yeow, kajian tersebut penting kerana ia merupakan inisiatif penyuraian trafik di kawasan Seberang Perai yang merupakan lokasi pertembungan trafik harian yang padat antara tiga negeri di utara Semenanjung Malaysia.

“Situasi (pertembungan trafik) ini secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap sosioekonomi yang mana ia telah mengehadkan pergerakan input sektor perindustrian dan perkhidmatan di sepanjang rantai yang menjadi laluan pergerakan utama kargo serta penumpang merentasi negeri di bahagian utara.

“Kira-kira 70 peratus kargo Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) adalah kargo bernilai tinggi yang memerlukan perkhidmatan logistik cekap serta pantas. Penangguhan masa operasi secara tidak langsung akan menjejaskan pengoperasian sekali gus memberi kesan terhadap daya saing dan produktiviti secara keseluruhan.

“Tambahan pula, negeri-negeri NCER menyumbang sebanyak 36 peratus atau dari segi nilai RM447 bilion setahun eksport negara dan sekiranya tidak dilaksanakan penyuraian ia akan membantutkan potensi hab import serta eksport NCER khususnya Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA),” ujarnya pada sidang media di sini 19 Mei lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Mohd. Sayuthi Bakar dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi menyatakan bahawa kesesakan trafik yang meruncing antara Juru dan Sungai Dua itu turut ‘melimpah’ ke laluan negeri.

“Antaranya yang turut terjejas adalah di Jambatan Pulau Pinang; Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sehingga ke George Town; Bayan Lepas; Batu Kawan dan juga Bukit Minyak.

“(Dan) tahap kesesakan di kawasan-kawasan ini dikatakan kritikal dan tidak memuaskan, maka penting untuk menambah baik sistem trafik di laluan ini bagi menyuraikan trafik.

“Mungkin ada cadangan untuk membina susur keluar atau laluan baru mahupun laluan bertingkat dan segalanya bergantung pada kajian yang dilaksanakan oleh NCIA,” jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan projek penambahbaikan penyuraian trafik jangka sederhana yang diterajui oleh NCIA.

“Inisiatif yang dilaksanakan ini penting bagi mencari solusi terbaik di samping mengenal pasti impak, limpahan serta kaedah pelaksanaan yang bersesuaian bagi membolehkan kesesakan yang melibatkan kira-kira 1.3 juta pengguna laluan di ketiga-tiga negeri utara Semenanjung Malaysia dapat diredakan,” ulasnya lanjut.

Menjawab pertanyaan pemberita berhubung kos dan tempoh masa pelaksanaan kajian tersebut, Mohamad Haris memberitahu bahawa pihaknya memohon peruntukan sebanyak RM2 juta.

“Sekiranya permohonan ini diluluskan serta dibentangkan dalam Bajet 2024 nanti, kajian akan segera dilaksanakan dan mengambil masa kira-kira enam bulan sebelum boleh dilaksanakan yang mana pihak kami menjangkakan tahun hadapan juga,” katanya.

Difahamkan, NCIA sebelum ini telah membuat permohonan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi penyelesaian masalah berkaitan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 pada tahun 2020.

Susulan itu, NCIA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Pulau Pinang pada Julai 2022 bersetuju untuk menganjurkan bengkel penyelarasan perancangan melibatkan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya; Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); PLUS Malaysia Berhad dan lain-lain termasuk pihak berkuasa tempatan negeri.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari tanjongbunga@bukitbendera.org	(T) 04 - 818 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 305 4962
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiao@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
